

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

RPK 534 - Perancangan Pembangunan Bandar

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab DUA Soalan Sahaja.

BAHAGIAN A - Jawab SATU Soalan Sahaja.

SAMADA

1. Salah satu tujuan utama perancangan ialah untuk memberi kemudahan dan membantu manusia mencapai kesejahteraan hidup (quality of life). Sebagai seorang perancang bandar yang berwawasan dan beretika, apakah perkara-perkara yang perlu anda ambilkira atau fahami sebelum mengemukakan cadangan-cadangan dan dasar-dasar yang perlu dilaksanakan. Didalam perbincangan anda tekankan peranan anda sebagai perancang bandar dan prinsip-prinsip yang anda fikir perlu dimiliki oleh setiap perancang bandar.

(50 markah)

ATAU

2. Proses pembangunan bandar telah bermula sejak berabad yang lampau. Didalam proses tersebut, fungsi bandar turut berubah dari zaman ke zaman. Bincangkan fungsi bandar-bandar awal secara amnya dan nyatakan proses-proses yang terlibat yang telah mempengaruhi perubahan/ penekanan fungsi bandar.

(50 markah)

...2/-

BAHAGIAN B - Jawab SATU Soalan Sahaja.

SAMADA

3. Anda adalah seorang pegawai perancang bandar di sebuah agensi kerajaan. Anda telah ditugaskan untuk menangani masalah kemiskinan bandar. Bincangkan isu-isu yang perlu dikaji dan diteliti untuk mengenalpasti masalah dan kaedah pendekatan yang bersesuaian.

(50 markah)

ATAU

4. a) Apakah respons anda pada pendapat yang mengatakan bahawa masalah terbesar yang sedang dihadapi perancang-perancang bandar ialah masalah " kemanusiaan ", bukan perumahan, pengangkutan, ekonomi dan sebagainya ?
- b) Apakah peranan perancang didalam usha untuk menangani masalah ini ?

(50 markah)

-ooo0ooo-